

09 NOV 1999

Mahathir-Golf

GOLF PIALA DUNIA PERKENAL MALAYSIA DI SELURUH DUNIA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Golf Piala Dunia 99 merupakan satu lagi kesempatan bagi Malaysia bagi menunjukkan keupayaannya menganjurkan kejohanan sukan bertaraf dunia.

Perdana Menteri berkata ia juga akan membantu pelancong ekonomi dan peminat golf di sini bagi acara itu yang akan berlangsung di sini dari 18 hingga 21 Nov di The Mines Resort and Golf Club di Seri Kembangan.

"Saya dimaklumkan bahawa kira-kira 600 juta penonton akan mengikuti acara itu dan ini sudah tentu akan memperkenalkan Malaysia sebagai negara yang mempunyai lapangan golf yang mampu menganjurkan Piala Dunia," kata beliau pada persidangan media selepas meninjau lapangan itu di sini.

Dr Mahathir berkata seperti juga perlumbaan Formula One di Litar Sepang F1 bulan lepas, kejohanan golf akan membantu hotel-hotel di negara ini dalam konteks penginapan pelancong.

"Ia juga baik bagi ekonomi negara," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia mahu menghasilkan pemain golf profesional yang mampu menjadi juara pada masa depan.

Beliau berkata kejohanan itu juga menarik dengan penyertaan pemain nombor satu dunia dari Amerika, Tiger Woods.

"Semua orang telah mendengar mengenai Tiger Woods tetapi ini kali pertama melihat beliau beraksi dari dekat.

"Seperti slogan "Malaysia Boleh", saya benar-benar berharap Tiger Woods juga boleh," kata beliau sambil merujuk kepada klip video yang ditayangkan sebelumnya yang menggambarkan bintang golf berkenaan menuturkan slogan itu.

Dr Mahathir selaku penaung kejohanan berprestij itu menghabiskan masa kira-kira sejam melawat lapangan golf.

Tiga puluh dua negara akan menyertai kejohanan itu yang dijangka disaksikan oleh berpuluh-puluh ribu penonton dan kira-kira 600 juta lagi melalui kaca televisyen.

Kelab golf itu, sebahagian daripada pembangunan dikenali sebagai Mines Resort City yang dijalankan oleh Country Heights Group, ialah kira-kira 20 minit perjalanan dengan kereta dari sini.

Syarikat hartanah itu dilaporkan telah membelanjakan AS\$1.1 juta (RM4.18 juta) untuk mendapatkan Woods menyertai kejohanan ini.

Kejohanan ini diadakan selepas kejayaan Malaysia menganjurkan perlumbaan Formula One bulan lepas.

-- BERNAMA

HRS MAM FAZ